



## Pengetahuan Dan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Wan Izyan Izzati W Ja'afar<sup>1</sup>, Khadijah Abdul Razak<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

### Article Info

**Received:**

05 January 2021

**Accepted:**

19 February 2021

**Publish**

01 April 2021

**E-mail address:**

\*Corresponding Author:  
izyanizzati1606@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran yang berorientasikan kemahiran berfikir aras tinggi. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik dengan penglibatan 200 orang Guru Pendidikan Islam yang bertugas di sekolah rendah dalam daerah Kuching, Sarawak sebagai responden kajian. Dapatan data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian IBM SPSS versi 23.0. Analisis deskriptif bagi 2 konstruk yang diuji iaitu konstruk tahap pengetahuan guru dan tahap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam Pendidikan Islam menunjukkan tahap interpretasi skor min yang sederhana tinggi. Analisis kolerasi Pearson pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru dengan tahap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam Pendidikan Islam. Implikasi kajian ini memberi gambaran bahawa keperluan untuk merangka bengkel secara berkala dan penyediaan modul panduan pengajaran Pendidikan Islam yang memaksimumkan kemahiran berfikir aras tinggi boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan profesionalisme guru dalam melaksanakannya dengan lebih berkesan.

**Kata kunci:** Pengetahuan Guru, Guru Pendidikan Islam, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Pendidikan Islam Sekolah Rendah

### PENGENALAN

Reka bentuk pendidikan negara senantiasa terbuka untuk menerima sebarang transformasi terutamanya dalam mengoptimalkan keupayaan kognitif, kecerdasan emosi dan kecemerlangan hubungan interpersonal dan intrapersonal murid. Apatah lagi dengan kerancakan kemajuan teknologi dalam segenap aspek kehidupan manusia memerlukan pelapis generasi yang mampu berdepan dengan segala cabaran yang mendatang. Reka bentuk pendidikan Malaysia telah

berubah ke arah pembudayaan pembelajaran abad ke-21 dan kemahiran berfikir aras tinggi selain mengutamakan penilaian holistik melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Dalam konteks Pendidikan Islam, penekanan terhadap pembentukan jati diri agama dalam memandu cara hidup generasi muda sangat ditekankan terutamanya keupayaan menganalisis dan menilai implikasi bagi setiap pilihan dalam kehidupan mereka. Pelajar juga dididik untuk menguasai kemahiran berfikir di peringkat aras tinggi supaya mereka berupaya untuk berasimilasi dan bijak mengadun pengalaman sedia ada dengan pengetahuan baru yang dipelajari saban hari baik di dalam kelas atau melalui aktiviti luar bilik darjah. Apatah lagi jika mereka mampu berinovasi dengan idea tersebut sehingga dapat mencipta jalan penyelesaian yang baharu menjadi satu bonus dalam pencapaian pelajar.

Kesemua intipati pelaksanaan dasar pendidikan ini memerlukan kemampuan kompetensi yang mantap dari agen pelaksana yang berdepan dengan murid secara langsung iaitu guru. Kompetensi guru dikaitkan dengan penguasaan pengetahuan guru tentang isi kandungan subjek yang diajar. Selain itu, kompetensi guru juga berkait rapat dengan penguasaan guru dalam kemahiran pedagogi untuk menyampaikan kandungan kurikulum dengan berkesan dan bersesuaian dengan tahap murid. Kedua-dua elemen ini dapat diasah dan digilap melalui pengalaman mengajar dan peningkatan pengetahuan guru dengan berkala seiring perubahan landskap pendidikan semasa. Bagi kurikulum Pendidikan Islam pula, kurikulum yang digubal dengan pengaplikasian elemen kemahiran berfikir aras tinggi memerlukan ianya ditulis secara jelas dalam dokumen rasmi kurikulum seperti Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi Pendidikan Islam (DSKP) bagi Tahun 1 hingga Tahun 6. Kesemua elemen ini adalah selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Islam dan seterusnya membentuk pengukuhan asas akidah Islamiah yang mantap dalam jiwa generasi muda (Noor Hisham, 2011; Zuraidah Othman, 2013; Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim, 2016).

### **Penyataan Masalah**

Pendidik yang kompeten perlu memahami konsep utama, alat inkuiri dan selok-belok opsyen yang diajar serta dasar pendidikan terkini yang berkaitan. Selain itu, guru juga perlu mewujudkan ruang dan peluang untuk perkembangan minda dan kemahiran murid mengikut standard pembelajaran yang ingin dicapai. Menurut Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus (2016), penerapan kemahiran berfikir aras tinggi berlaku dalam kelaziman pengajaran guru Pendidikan Islam namun penekannya dilihat tidak serancak seperti mana dalam subjek teras yang lain. Sebaliknya ia lebih bersifat doktrin dan rigid dalam menyediakan generasi muda untuk berdepan dengan cabaran kemodenan dalam acuan Islamiah. Antara isu yang utama yang memerlukan penambakan dalam membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam subjek Pendidikan Islam dapat dilihat dari tiga sudut iaitu interaksi antara murid semasa sesi perbincangan ketika sesi induksi, kawalan semasa sesi perbincangan melalui kemahiran teknik penysoalan aras tinggi dan penetapan objektif pengajaran yang berfokuskan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Nursafra Mohd Zhaffar et al., 2016).

Selain itu, faktor kesediaan dari aspek pengetahuan guru dan kemahiran pedagogi dalam menerapkan unsur kemahiran berfikir aras tinggi semasa pengajarannya juga mampu mempengaruhi persepsi guru yang melihat bahawa pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi ini sukar dibudayakan sehingga dapat menggugat keberkesanan penerapannya. Guru juga berdepan dengan keterbatasan pendedahan dalam bengkel atau kursus yang membincangkan secara mendalam berkaitan konsep asas dan cara melaksanakannya di dalam kelas. (Rosnani Hashim, 2012; Mohd Aderi Che Noh, Noraini dan Nur Hanani, 2014; Nooriza Kassim dan Effendi Zakaria, 2015; Wan Nor Sharah Sharuji dan Norazah Mohd Nordin, 2017).

Di samping itu, terdapat kajian yang mendapati bahawa guru-guru positif untuk menguasai konsep asas dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajarannya, namun hambatan tugas sampingan yang lain turut mencuri masa dan fokus guru untuk bersedia dengan bahan bantu belajar dan aktiviti pembelajaran yang dapat mencungkil kemampuan kognitif murid di peringkat aras tinggi. Tambahan itu, keterikatan dengan sukatan pelajaran dalam dominasi budaya berorientasikan peperiksaan yang masih menebal dalam sistem pendidikan negara juga menyebabkan corak pengajaran guru lebih tertumpu kepada aktiviti rutin dan konvensional yang bergantung kepada penggunaan buku teks semata-mata. Kesemua faktor tersebut sedikit sebanyak telah menyumbang kepada limitasi pengajaran yang menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam Pendidikan Islam (Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus, t.t; Tajul Arifin, 2010; Wan Amirah et al. , 2016; Norfariza Mohd Radzi dan Nur Fadhillah Muzammil, 2018; Nur Hawa Hanis Abdullah dan Ghazali Darussalam, 2018).

Tuntasnya, isu-isu yang melingkari pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi ini perlu diteliti dan dikaji secara berterusan agar permasalahan sebenar yang dihadapi oleh guru dapat dicungkil dan dibawa ke hadapan untuk sesi perbincangan dan penyelesaian. Justeru satu kajian yang mengkaji tahap kompetensi guru perlu dijalankan untuk mendapatkan maklum balas sebenar sejauh mana tahap kompetensi guru khususnya Guru Pendidikan Islam dalam mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi terutamanya dalam konteks tahap murid sekolah rendah.

### **Objektif Kajian**

Pengkaji menjalankan kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kompetensi Guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan Pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Kuching, Sarawak. Objektif khusus bagi kajian ini ialah:

1. Mengkaji tahap pengetahuan dan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di daerah Kuching .
2. Mengkaji hubungan antara tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam dengan tahap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam Pendidikan Islam.

### **SOROTAN LITERATUR**

Sesebuah negara yang sedang bergerak menongkah arus kemajuan dan kesejahteraan hidup amat memerlukan pemacu yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Hal ini hanya dapat dikecapi menerusi polisi pendidikan yang mantap dan senantiasanya beradaptasi dengan keperluan semasa dan akan datang. Justeru, seiring dengan keperluan kompetensi global, sektor pendidikan juga perlu mengalami anjakan paradigma yang dapat merintiskan kemahiran abad ke-21 dalam segenap aspek pendidikan demi menjulang martabat pendidikan Malaysia di mata dunia. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kini yang mengutamakan pembudayaan kemahiran berfikir aras tinggi, guru Pendidikan Islam sangat dituntut untuk meningkatkan kompetensi diri dalam mengolah pengajaran Pendidikan Islam yang mengutamakan aktiviti yang mencabar dan menarik melalui enam bidang utama Pendidikan Islam. Apatah lagi kurikulum Pendidikan Islam sangat berkait rapat dengan cara hidup seharian murid. Tahap kompetensi guru perlu mantap sebagai salah satu syarat untuk melahirkan pencapaian prestasi pelajar yang baik. Pengetahuan mendalam guru dijadikan batu asas pengajaran untuk penguasaan kemahiran terutamanya strategi pengajaran berkesan, kemahiran penilaian terhadap perkembangan murid secara holistik, teknik penyediaan dan kemahiran kawalan bilik darjah.

Sorotan kajian lepas telah menunjukkan bahawa isu yang melingkari pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran secara realitinya masih wujud. Kajian yang dijalankan oleh Hafizuddin Abu Hassan dan Ridzuan Ahmad (t.t) mendapati bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman, amalan dan pelaksanaan dan persepsi responden terhadap KBAT berada pada tahap tinggi. Kajian tersebut melibatkan 60 orang Guru Pendidikan Islam di daerah Yan, Kedah. Selain itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Hasnah dan Jamaluddin (2017) terhadap 118 orang responden yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu sekolah rendah di sekitar Wilayah Persekutuan menunjukkan bahawa walaupun tahap pemahaman dan pengetahuan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi berada pada tahap yang sederhana tinggi namun tahap kemahiran responden dalam melaksanakannya semasa pengajaran adalah tinggi. Pengkaji juga melihat bahawa kefahaman dan pengetahuan guru berkaitan pembudayaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran Bahasa Melayu perlu dipertingkatkan lagi.

Pengetahuan seseorang guru yang mendalam terhadap sesuatu konsep ilmu amat bermakna untuk dimanfaatkan dalam pengajaran sesuai dengan peranannya sebagai penterjemah kurikulum di peringkat sekolah. Selain itu, guru juga harus mempunyai keyakinan yang mendalam untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid. (Standard Guru Malaysia, 2009; Zamri Mahamod, 2014; Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah, 2017; Mohd Qhairil Anwar Azhar dan Zamri Mahamod, 2018).

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian tinjauan melalui pendekatan kuantitatif ini dilaksanakan untuk mengkaji tahap pengetahuan guru dan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam Pendidikan Islam sekolah rendah khususnya dalam kalangan Guru Pendidikan Islam yang bertugas di daerah Kuching, Sarawak

### **Persampelan Kajian**

Populasi yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 325 orang Guru Pendidikan Islam yang bertugas di sekolah rendah dalam daerah Kuching yang tertakluk kepada pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Kuching. Persampelan bagi kajian ini melibatkan pemilihan 200 orang responden secara rawak berdasarkan Jadual Persampelan Kejcie dan Morgan (1970). Sampel kajian yang dipilih dikenal pasti memenuhi kriteria demografi yang sama dan memenuhi keperluan objektif kajian ini di mana ciri utama ialah responden yang terlibat adalah Guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah rendah di sekitar daerah Kuching, Sarawak. Responden juga terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman mengajar. Taburan bagi perjawatan Guru Pendidikan Islam bagi setiap sekolah adalah berbeza bergantung kepada keperluan sekolah.

### **Instrumen Kajian**

Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama kajian ini. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah adaptasi daripada Kajian Impak Pelaksanaan Latihan Guru Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Mata Pelajaran Matematik yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengkaji juga menggabungjaln pembinaan dan penambahan item soal selidik berdasarkan kajian Norfariza Mohd Radzi dan Nur Fadhillah Muzamil (2018) dan kajian Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain dan Mohd Aderi Che Noh (2016). Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Pengetahuan GPI tentang KBAT), dan Bahagian C (Pelaksanaan KBAT). Soal selidik ini menggunakan skala Likert 1-5 mengikut konstruk bagi mengumpul dapatan data kajian. Pengkaji juga telah menjalankan kajian rintis kepada 30 orang

responden yang memiliki ciri-ciri yang hampir sama dengan responden sebenar dan memperoleh nilai *cronbach alpha* pada skala  $\alpha = .976$ .

## DAPATAN KAJIAN

### Demografi Responden

Dapatan demografi dalam kajian ini menggunakan analisis deskriptif yang dipersembahkan dalam Jadual 1. Dapatan menunjukkan bahawa responden perempuan lebih mendominasi berbanding responden lelaki. Bagi item umur pula, data menunjukkan bahawa responden yang berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun adalah paling ramai berbanding kumpulan umur yang lain dalam kajian ini. Selain itu, responden yang memiliki ijazah sarjana muda didapati paling ramai iaitu seramai 172 orang berbanding kelayakan akademik yang lain. Responden yang berstatus Guru Pendidikan Islam pula lebih ramai berbanding responden yang berstatus guru interim. Seterusnya, bagi item pengalaman mengajar pula, dapatan menunjukkan bahawa data responden yang telah bertugas sebagai pendidik selama 6 hingga 10 tahun merupakan dapatan data yang tertinggi manakala responden yang berpengalaman mengajar selama 16 hingga 20 tahun merupakan golongan yang paling sedikit terlibat dalam kajian ini. Bagi item terakhir pula, responden yang mengikuti kursus atau bengkel berkaitan kemahiran berfikir aras tinggi sebanyak 3 hingga 4 kali yang merupakan kumpulan yang paling ramai.

Jadual 1 : *Demografi Responden*

BIL.	ITEM		KEKERAPAN (f) n=200	PERATUS (%) n = 200
1	Jantina	Lelaki	56	28
		Perempuan	144	72
2	Umur	20 – 30 tahun	27	13.5
		31 – 40 tahun	94	47
		41 – 50 tahun	64	32
		51 – 60 tahun	15	7.5
3	Kelayakan Akademik	Sijil Perguruan	7	3.5
		Diploma	11	5.5
		Ijazah Sarjana Muda	172	86
		Ijazah Sarjana	10	5
4	Status Guru	Guru Pendidikan Islam	174	87
		Guru Interim	26	13
5	Pengalaman Mengajar	1 – 5 tahun	36	18
		6 – 10 tahun	71	35
		11 – 15 tahun	37	18.5
		16 – 20 tahun	12	6
		21 tahun	44	22
6	Pendedahan kepada KBAT melalui kursus/bengkel	1 – 2 kali	68	34
		3 – 4 kali	82	41
		5 -6 kali	28	14
		Lebih 7 kali	22	11

### Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Tentang KBAT

Pengkaji menganalisis tahap interpretasi skor min berdasarkan Jadual Interpretasi Skor Min yang dikemukakan oleh Nunnally dan Bernstein, 1994 yang diadaptasi dalam kajian Sapie Sabilan et al. (2017) seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : *Jadual Interpretasi Skor Min*

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Bagi konstruk 1 iaitu domain pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, skor min keseluruhan konstruk 1 adalah sederhana tinggi dengan nilai skor sebanyak 3.90. Berdasarkan Jadual 3 di bawah, kesemua item soalan menunjukkan tahap interpretasi min yang sederhana tinggi iaitu antara 3.78 iaitu item 10 hingga skor 4.14 yang mewakili interpretasi yang tinggi iaitu item 1. Terdapat 2 item yang menunjukkan interpretasi skor min yang tinggi iaitu item 1 dan item 3 yang merujuk kepada subtopik kurikulum manakala skor min bagi item lain adalah sederhana tinggi.

Jadual 3: *Analisis Tahap Pengetahuan GPI dalam KBAT*

Bil	Item	Min	Sisihan Piawaian
1	Saya mengetahui perbezaan antara kemahiran berfikir aras rendah dengan KBAT.	4.14	.67
2	Saya mengetahui penggunaan matriks kemahiran berfikir melalui pemilihan kata kerja yang bersesuaian mengikut tahap pemikiran yang berbeza iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.	3.88	.70
3	Saya mengetahui bahawa guru berperanan sebagai pengajar dalam pelaksanaan aktiviti aras pemikiran rendah dan berubah kepada pemudahcara semasa aktiviti KBAT.	4.12	.63
4	Saya tahu bagaimana untuk merancang aktiviti pembelajaran yang dapat membantu mengembangkan KBAT murid melalui aktiviti berbentuk inkuiri, penyelesaian masalah, penyelidikan dan berasaskan projek.	3.83	.63
5	Saya mengetahui bagaimana untuk merangsang KBAT berdasarkan jawapan murid semasa sesi soal jawab dalam kelas.	3.88	.61
6	Saya mengetahui bagaimana untuk merancang aktiviti pembelajaran yang mengaplikasikan KBAT mengikut tahap kebolehan murid.	3.82	.66
7	Saya mengetahui cara penyediaan bahan bantu mengajar yang dapat membantu merangsang KBAT murid.	3.85	.75
8	Saya mengetahui cara penggunaan peta minda dalam aktiviti PdPc Pendidikan Islam.	3.98	.74
9	Saya mengetahui cara untuk menilai perkembangan murid dalam KBAT Pendidikan Islam.	3.85	.69
10	Saya mengetahui cara pembinaan soalan berbentuk KBAT dalam PBD/soalan peperiksaan Pendidikan Islam	3.78	.72
<b>Min keseluruhan</b>		<b>3.90</b>	<b>.56</b>

### Tahap Pelaksanaan KBAT Guru Pendidikan Islam

Berdasarkan dapatan kajian, min keseluruhan konstruk 2 ini menunjukkan tahap interpretasi yang sederhana tinggi iaitu nilai skor min sebanyak 3.83. Berdasarkan Jadual 4 di bawah,



kesemua item soalan menunjukkan tahap interpretasi min yang sederhana tinggi iaitu antara 3.75 hingga 3.92. Item 5 yang berkaitan dengan subtopik pelaksanaan pedagogi yang berkaitan dengan teknik penyediaan guru menunjukkan skor min yang terendah iaitu 3.75 manakala item 7 yang berkaitan dengan subtopik pelaksanaan kaedah perbincangan dalam kumpulan telah menunjukkan skor min yang tertinggi iaitu 3.92.

Jadual 4: Analisis Tahap Pelaksanaan KBAT dalam PdPc Pendidikan Islam.

Bil	Item	Min	Sisihan Piawaian
1	Saya menggunakan kata kerja KBAT dalam merancang RPH mengikut topik yang bersesuaian.	3.78	.73
2	Saya menggalakkan murid menggunakan peta minda yang bersesuaian dengan isi pelajaran untuk membuat nota.	3.81	.70
3	Saya membimbing murid untuk menghasilkan peta minda yang bersesuaian dengan topik yang diajar.	3.88	.76
4	Saya menggalakkan murid mencari maklumat tambahan dengan lebih lanjut tentang sesuatu topik yang diajar di sekolah.	3.83	.69
5	Saya menggunakan soalan berbentuk provokasi positif bagi menggalakkan daya pemikiran murid semasa sesi soal jawab.	3.75	.76
6	Saya menggunakan peneguhan positif berbentuk ganjaran kepada murid yang dapat menghasilkan kelainan dalam hasil kerja mereka.	3.87	.65
7	Saya menggalakkan murid berbincang secara berkumpulan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan.	3.92	.66
8	Saya menggunakan bahan pengajaran berbentuk peta minda semasa sesi penerangan tentang sesuatu topik.	3.84	.70
9	Saya mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi dalam penyediaan PBD/soalan peperiksaan.	3.78	.64
10	Saya mengambil kira tahap penguasaan murid sebelum menerapkan KBAT mengikut aras pemikiran.	3.83	.57
<b>Min keseluruhan</b>		<b>3.83</b>	<b>.57</b>

### Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Islam dengan Pelaksanaan KBAT dalam Pendidikan Islam

Dalam kajian ini, hubungan antara tahap pengetahuan guru dengan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam turut dianalisis melalui analisis kolerasi Pearson. Analisis nilai interpretasi kolerasi diterjemahkan mengikut Hinkle, Wiersma dan Jurs (1998) dalam Arsaythamby Veloo dan Arumugam Raman (2013) seperti dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5 : Nilai Interpretasi Saiz Kolerasi

Skor Min	Interpretasi
+ - 0.90 hingga 1.00	Sangat Tinggi
+ - 0.70 hingga 0.90	Tinggi
+ - 0.50 hingga 0.70	Sederhana
+ - 0.30 hingga 0.50	Rendah
+ - 0.01 hingga 0.30	Lemah
0	Tiada Hubungan

Berdasarkan analisis kolerasi Pearson, kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam tentang kemahiran berfikir aras tinggi dengan tahap pelaksanaannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan nilai signifikan ( $p = .00 < .05, r = .791$ ). Nilai pekali kolerasi  $r = .791$  menunjukkan tahap kolerasi di antara kedua-dua konstruk secara keseluruhannya adalah tinggi berdasarkan saiz kolerasi dalam Jadual 6. Nilai positif dalam nilai pekali kolerasi pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kedua-dua konstruk yang diuji. Jadual 6 memaparkan analisis data kolerasi kedua-dua konstruk yang diuji.

Jadual 6: Analisis Data Kolerasi Kedua-Dua Konstruk Yang Diuji

HUBUNGAN KOLERASI	KOLERASI, $r$	Sig.*	n
Pengetahuan GPI terhadap KBAT	.719	.000	200
Pelaksanaan KBAT dalam PdPc Pendidikan Islam			

## PERBINCANGAN

### Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Dengan Pelaksanaan KBAT dalam Pendidikan Islam

Tuntasnya, analisis dapatan data menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi Guru Pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Kuching berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian ini dilihat tidak selari dengan dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian Wan Amirah et al. (2016) yang menunjukkan bahawa tahap pemahaman dan penguasaan Guru Pendidikan Islam di Selangor berkaitan kemahiran berfikir aras tinggi adalah tinggi. Namun kajian yang dijalankan oleh Mohamad Zaid Mustafa et al. (2016) terhadap 120 orang Guru Pendidikan Islam di Batu Pahat, Johor pula menunjukkan persespi keseluruhan responden terhadap tiga konstruk yang diuji iaitu pengetahuan, sikap dan amalan pula berada pada tahap sederhana walaupun hubungan keseluruhan berada pada tahap signifikan yang kuat dengan nilai pekali 0.609. Dapatan kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Aderi Che Noh, Mohd Talhah Ajmain@Jimain dan Engku Zarihan Engku Abdul Rahman (2017) juga mendapati skor min tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam ialah 4.2 dan tahap kemahiran Guru Pendidikan Islam pula ialah 4.0 di mana kedua-dua aspek kompetensi guru berada pada tahap tinggi.

Malah kajian yang dijalankan oleh Muhammad Talhah Ajmain@ Jimain, Mohd Aderi Che Noh dan Aminuddin Hehsan (2018) juga mendapati bahawa tahap penguasaan Guru Pendidikan Islam untuk menjalankan kemahiran berfikir aras tinggi adalah positif apabila interpretasi skor min adalah tinggi iaitu 4.06. Begitu juga dengan dapatan analisis data bagi tahap pengetahuan Guru Pendidikan Islam terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam kajian Muhammad Talhah Ajmain@Jimain et. al (2019) juga menunjukkan tahap interpretasi skor min yang tinggi iaitu 4.05.

Jika kita membuat perbandingan antara kedua-dua konstruk yang diuji, interpretasi skor min menunjukkan skor pelaksanaan adalah lebih rendah berbanding tahap pengetahuan guru. Hal ini dapat menunjukan bahawa responden yang diuji mempunyai pengetahuan tentang konsep asas kemahiran berfikir aras tinggi namun kemahiran bagaimana untuk melaksanakannya dengan berkesan kepada murid sekolah rendah masih perlu dipertingkatkan lagi. Terdapat data yang menunjukkan bahawa responden mengetahui konsep asas dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dan perbezaan antara aras tinggi dan aras rendah. Dapatan data ini juga menunjukkan bahawa Guru Pendidikan Islam positif dalam melaksanakan dasar pendidikan terkini. Antara isu dalam aspek pengetahuan ialah penguasaan konsep pembinaan soalan berbentuk kemahiran



berfikir aras tinggi dan cara penilaian yang tepat terhadap murid. Selain itu, isu berkaitan kemahiran dan pelaksanaan guru dalam teknik penyoalan provokasi yang positif juga ditonjolkan dalam dapatan data yang diperolehi. Justeru, guru perlu lebih menekankan peningkatan penguasaan mereka dalam dua aspek iaitu kemahiran pemilihan aktiviti yang mencabar kemampuan berfikir murid dan kemahiran pentaksiran murid.

Selain itu, skor kemahiran penyoalan guru dalam kajian ini juga berada pada skor sederhana tinggi. Guru perlu memperbanyakkan soalan terbuka yang memerlukan murid berfikir sebelum menjawab selain memperuntukkan masa yang bersesuaian untuk murid menjawab selaras dengan objektif pembelajaran pada sesuatu sesi. Aras kognitif soalan yang dikemukakan oleh guru dapat memandu tindak balas murid. Sorotan kajian lepas juga menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam lebih cenderung mengemukakan soalan secara terus kepada murid yang memerlukan jawapan yang berbentuk fakta dan kefahaman (Wan Amirah et al. , 2016). Senario ini perlu diatasi oleh guru jika ingin merangsang kemahiran berfikir aras tinggi murid. Selain itu, guru juga perlu menyesuaikan laras bahasa dan mengemukakan soalan berbentuk provokasi positif atau menjawab pertanyaan murid dengan jawapan berbentuk soalan juga kepada murid untuk melatih perkembangan minda murid. (Nursafra Mohd Zhaffar et al. , 2018).

Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa walaupun penguasaan guru dalam pengetahuan dan kefahaman berkaitan konsep dan dasar kemahiran berfikir aras tinggi adalah positif namun ianya tidak dapat membantu keberkesanan pengajaran guru sekiranya guru tidak mahir bagaimana untuk mengaplikasikannya mengikut tahap murid dan kaedah yang terbaik. Guru-guru juga memerlukan pendedahan berkala dan panduan yang jelas bagaimana pedagogi yang terbaik untuk menyampaikan pengajaran yang merangsang keupayaan berfikir murid. Ke kerap pendedahan selain perbincangan ilmiah antara rakan guru dan jurulatih utama yang mahir dengan konsep kemahiran berfikir aras tinggi, kandungan mata pelajaran dan pentaksiran amat diperlukan untuk memberi ruang dan peluang guru mendapat input yang lebih jelas dalam bidang masing-masing.

Tidak dinafikan banyak kursus dan bengkel yang telah dilaksanakan di pelbagai peringkat sistem pendidikan, namun lazimnya kebanyakan kursus dan bengkel tersebut bersifat general yang hanya menekankan konsep asas dan perangkaan soalan peperiksaan sahaja (Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman, 2018). Mohamad Nurul Azmi dan Nurzatlshima Kamarudin (2017) turut menyatakan bahawa guru kerap didedahkan dengan kursus asas berkaitan konsep kemahiran berfikir semata-mata dan kurang tertumpu kepada sesuatu subjek secara khusus. Hal ini menyebabkan guru menghadapi kekangan untuk membudayakan pengajaran yang mengupayakan kemahiran berfikir aras tinggi secara optima walaupun mereka mempunyai pengetahuan berkaitan konsep asas kemahiran berfikir aras tinggi tersebut. (Noriza Kassim dan Effandi Zakaria, 2015; Norhasmaliza Hasan dan Zamri Mahamod, 2015; Norakma, Abdul Razak dan Noria Munirah, 2015; Wan Nor Shairah Sharuji dan Norazah Mohd Nordin, 2017; Hasnah Isnou dan Jamaludin Badusah, 2017; Nur Athirah dan Faridah, 2017).

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN**

Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat keperluan kepada guru untuk meningkatkan profesionalisme sendiri terutamanya dalam kemahiran pedagogi dan penilaian. Antara cadangan penyelesaian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

### ***Penyediaan Modul dan Buku Panduan Pengajaran KBAT***

Walaupun sorotan kajian lepas dan dapatan data dalam kajian ini menunjukkan tahap kompetensi Guru Pendidikan Islam sederhana tinggi, ianya boleh dipertingkatkan lagi melalui

panduan yang jelas dan bertulis tentang cara khusus perancangan pengajaran yang berorientasikan kemahiran berfikir aras tinggi seperti pemilihan kata kerja dan objektif yang bersesuaian, cadangan dan penerangan cara menggunakan aktiviti berimpak tinggi seperti pemetaan minda, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran inkuiri dan sebagainya. Penyediaan modul atau Buku Panduan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang hanya berfokuskan kepada sesuatu subjek seperti Subjek Pendidikan Islam Sekolah Rendah dilihat sangat membantu guru dalam pelbagai bentuk di peringkat pelaksanaannya di sekolah. Sebaran Modul dan Buku Panduan ini juga perlu dimiliki dan difahami oleh setiap Guru Pendidikan Islam sebagai panduan untuk berkarya dengan lebih kreatif dalam merencanakan pengajarannya. Modul dan Buku Panduan ini boleh digubal melalui perbincangan antara Guru Cemerlang Pendidikan Islam, Lembaga Peperiksaan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum serta Bahagian Buku Teks agar kandungan yang terhasil teradun dengan cantik, selari dengan dokumen standard kurikulum dan memenuhi keperluan guru sebagai pengajar dan murid sebagai pelajar.

### ***Pemantauan bimbingan secara berkala terhadap pelaksanaan KBAT***

Dapatan kajian dan sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa tahap kesediaan dan kompetensi guru untuk membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam Pendidikan Islam didapati positif cuma mereka memerlukan masa, panduan dan bimbingan secara berkala untuk meningkatkan profesionalisme sendiri dalam konteks tersebut. Justeru, pemantauan berbentuk bimbingan dan bukan hanya penilaian semata-mata daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Sektor Pendidikan Islam dan Jemaah Nazir sangat membantu guru-guru dalam memastikan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam Pendidikan Islam dapat dibudayakan di peringkat sekolah dengan terancang, sistematik dan berkesan. Pemantauan sebegini juga dapat membantu pihak berkepentingan berkongsi dan mengenal pasti sebarang permasalahan yang berlaku dalam realiti pelaksanaannya di sekolah.

### **RUMUSAN**

Tuntasnya, secara dasarnya, guru-guru positif dan bersedia untuk bergerak seiring dengan apa sahaja transformasi pendidikan di peringkat nasional, namun ianya juga memerlukan sokongan berterusan daripada komuniti guru itu sendiri dan pihak atasan terutamanya dari segi bimbingan kursus, bengkel dan pemantauan yang dapat membantu guru untuk melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam yang memaksimumkan kemahiran berfikir aras tinggi terhadap murid di sekolah. Sokongan ini sangat bermakna kepada guru-guru apatah lagi keberkesanan pelaksanaan dasar pendidikan turut bergantung kepada kompetensi guru untuk menyampaikannya semasa sesi pengajaran sama ada secara langsung ataupun tidak langsung terhadap murid-murid. Pendidikan Islam juga diharapkan dapat memandu cara hidup murid berlandaskan gaya hidup Islam melalui penggabungan konsep berfikir yang bersulamkan al-Quran dan as-Sunnah.

### **RUJUKAN**

- Abdul Halim Tamuri, Muhammad Faiz Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi (2012) *Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam*. *Global Journal al-Thaqafah*. Hlmn : 53-63
- Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman (2018) Sorotan Kajian Kesediaan dan Keperluan Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Bilik Darjah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. Hlmn : 80-101.
- Hafizuddin Abu Hassan dan Ridzuan Ahmad ( t.t) *Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekitar Kuala Muda Yan, Kedah*. *Tesis Tidak Diterbitkan*. IPG Kampus Sultan Abdul Halim

- Hasnah, I., & Jamaludin, B. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 56-65.
- Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar, Nur Hanani Hussin (2014). Sumber Pendidikan Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Syaubari Othman, Ahmad Amir Khan bin Ahmad @ Mohammed dan Ahmad Yunus bin Kassim (2017). Konsep Makalah Ibn Khaldun dalam Konteks Pengajaran yang Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Hlmn: 12-15
- Noor Hisham Md Nawi (2011) Pengajaran Dan Pembelajaran: Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. *Kongres pengajaran dan pembelajaran*; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norfariza Mohd Radzi dan Nur Fadhillah Muzammil (2018) Tahap Kompetensi Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah Kebangsaan Daerah Sepang, Selangor. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik Bil.6 Isu 4*. Hlmn : 12-28
- Noriza Kassim dan Effandi Zakaria (2015) Intergrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis dan Keperluan Guru. *Persidangan Serantau Siswazah Pendidikan*.
- Nur Hawa Hanis Abdullah dan Ghazali bin Darussalam (2018). Kesiediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Aras Tinggi dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*. Hlmn: 22-31
- Rosnani Hashim (2012). Rethinking Islamic Education In Facing The Challenges Of The Twenty-First Century. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 22(4): 133-147
- Sapie Sabilan, Harzita Ismail, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak dan Siti Nga'ishah Mohni ( 2017) Penilaian Aspek Konteks dan Input Berkaitan Tahap Pencapaian Kemahiran Bacaan Tilawah al-Quran Berasaskan Penggunaan Kaedah Warna Terhadap Kelancaran Sebutan Bertajwid dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Lima Sekolah Kebangsaan Bukit Besi, Dungin Terengganu. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* Vol 1, No 2 (2017), 20-31
- Tajul Ariffin Nordin (2010). Pendidik Bina Kebenaran Universal. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim (2011) Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan Dalam Pengajaran Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1 (1): 51-65.
- Zuraidah Othman (2013) Tajdid Ilmu dan Pendidikan: Tinjauan Apresiatif terhadap Pemikiran Pendidikan Islam Sidek Baba. *Kertas Kerja Seminar IP Islam*. Institut Perguruan Islam, Bangi.